

## **GARIS PANDUAN PERMIT SEMENTARA KARNIVAL / PROMOSI / JUALAN GUDANG**

---

1. Perniagaan hanya boleh dibuat di lokasi atau di tempat yang diluluskan sahaja oleh pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).
2. Permit hendaklah dan sentiasa dipamerkan semasa menjalankan perniagaan.
3. Kebersihan di lokasi perniagaan dan sekitarnya perlu diselenggara dan dijaga dengan baik semasa bermiaga dan selepas tamat waktu bermiaga, serta menyediakan tong sampah yang secukupnya dan bersih dari sebarang kekotoran.
4. Peniaga perlu memastikan lokasi perniagaan tidak mengganggu lalulintas atau menyebabkan kacau ganggu kepada pihak lain dan tiada sebarang struktur kekal dibenarkan di lokasi perniagaan berkenaan kecuali dengan kebenaran daripada Jabatan Pelesenan dan Penjaja MPKj.
5. Mengemukakan salinan laporan suntikan Thypoid (TY2) yang masih sah tempoh dan salinan sijil kursus pengendalian makanan bagi setiap peniaga makanan dan minuman.
6. Pihak Berkuasa Melesen MPKj berhak memberikan apa-apa arahan dan mengenakan apa-apa terma dan syarat lain kepada penganjur / peniaga dari semasa ke semasa sepanjang tempoh karnival / promosi / jualan gudang yang telah diluluskan. Pihak Berkuasa Melesen MPKj juga berhak meminda mana-mana terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini dari semasa ke semasa.
  - a) Semua hiburan yang diadakan di Negeri Selangor hendaklah berlesen dan tertakluk kepada bayaran kutipan duti hiburan di Perbendaharaan Negeri Selangor. Kegagalan mendapatkan lesen adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Enakmen Hiburan dan tindakkan kompaun boleh di ambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagaimana yang diperuntukan di bawah Enakmen Hiburan.
  - b) Mendapatkan permit gantung kain rentang (banner) dan bunting daripada Jabatan Pelesenan dan Penjaja, MPKj.
  - c) Surat kebenaran penganjuran sukan (e-sports) dan larian daripda Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia.
7. Penganjur / peniaga hendaklah mematuhi segala terma dan syarat yang dinyatakan di sini dan / atau apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen MPKj dari semasa ke semasa termasuk apa-apa peruntukan undang-undang yang digunakan dan berkuat kuasa.
  - a) Semua hiburan yang diadakan di Negeri Selangor hendaklah berlesen dan tertakluk kepada bayaran kutipan duti hiburan di Perbendaharaan Negeri Selangor. Kegagalan mendapatkan lesen adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Enakmen Hiburan dan tindakkan kompaun boleh di ambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagaimana yang diperuntukan di bawah Enakmen Hiburan.
  - b) Mendapatkan permit gantung kain rentang (banner) dan bunting daripada Jabatan Pelesenan dan Penjaja, MPKj.
  - c) Surat kebenaran penganjuran sukan (e-sports) dan larian daripda Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia.

- d) Waktu aktiviti pentas dan PA sistem hendaklah dihentikan sementara selama satu (1) jam bagi menghormati waktu sembahyang bagi yang beragama Islam (30 minit sebelum dan selepas masuk waktu sembahyang).
  - e) Surat kebenaran daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).
8. Kelulusan Karnival / Promosi / Jualan Gudang ini bukanlah suatu hak eksklusif yang diberikan oleh MPKj kepada penganjur / peniaga. Pihak Berkusa Melesen MPKj berhak untuk **menarik balik** dan **membatalkan** Karnival / Promosi / Jualan Gudang yang telah diluluskan ini pada bila-bila masa yang difikirkan perlu tanpa sebarang notis atau makluman awal dan bayaran yang telah dijelaskan tidak akan dikembalikan.
9. Pihak Berkusa Melesen MPKj tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang liabiliti, tuntutan gantirugi, tanggungan, prosiding atau tuntutan undang-undang dan / atau risiko kejadian yang berlaku ke atas penganjur / peniaga atau mana-mana pihak yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung akibat daripada aktiviti Karnival / Promosi / Jualan Gudang ini.
10. Penganjur / peniaga hendaklah menangung rugi MPKj daripada segala tanggungan, liabiliti, tuntutan gantirugi, tindakan undang-undang yang timbul daripada Karnival / Promosi / Jualan Gudang ini dan / atau atas kegagalan / keengganhan / kecuaian penganjur / peniaga mematuhi mana-mana terma dan syarat serta arahan daripada Pihak Berkusa Melesen MPKj dari semasa ke semasa.
11. Kawalan perlu dititik beratkan oleh penganjur bagi mengelakkan sebarang kacau ganggu terhadap orang awam dan penduduk setempat. Penganjur digalakkan menggunakan khidmat anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).
12. MPKj berhak **menyenarai hitamkan penganjur** yang gagal / enggan / cuai mematuhi mana-mana terma atau syarat yang dinyatakan di sini atau apa-apa arahan Pihak Berkusa Melesen MPKj dari semasa ke semasa.